

NO. SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7847

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan dan tindakan ke atas pihak yang mengganggu upacara keagamaan di Gereja Community of Praise, Taman Medan, PJS 2 pada 19 April 2015 lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius tentang kes-kes jenayah yang berlaku terutamanya kejadian yang boleh menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara, siasatan akan dijalankan tanpa mengira sama ada ianya dilakukan oleh individu berpengaruh atau sebaliknya. Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya pada 20 April 2015, pihak polis telah membuka kertas siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.

Pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mengumpul segala keterangan-keterangan dan bukti-bukti sebelum Kertas Siasatan diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut. Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini kerana dikhuatiri boleh menjejaskan proses siasatan yang sedang dijalankan.